



SIARAN MEDIA
JABATAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

3 OGOS 2019

**PEMBUANGAN HARAM BAHAN KIMIA DI KARAK,
PAHANG**

3 Ogos 2019, PUTRAJAYA – Siasatan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Hazardous Material Unit Team (HAZMAT) dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Karak terhadap penemuan beberapa tong dram di dalam ladang sawit FELCRA di Karak, Pahang pada 1 Ogos 2019 mendapati terdapat 15 tong dram yang mengandungi Sodium Cyanide berdasarkan maklumat pada label di tong dram tersebut.

Hasil persampelan oleh pasukan JAS dan HAZMAT mendapati pepejal yang terdapat di dalam tong dram tersebut berwarna putih dan berketul-ketul, kandungan bahan di dalam tong masih penuh dan semua tong mengandungi bahan yang sama. Sila rujuk lampiran 1.

TINDAKAN JABATAN ALAM SEKITAR:

JAS bersama anggota HAZMAT telah membuat persampelan bahan yang terdapat di lokasi kejadian untuk dianalisa oleh Jabatan Kimia Malaysia (JKM), Petaling Jaya.

Satu laporan polis telah dibuat di Balai Polis Karak berkenaan kes ini pada 2 Ogos 2019.

Pada 3 Ogos 2019, operasi bersepadu JAS bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi-agensi yang terlibat dijalankan di tapak lombong emas yang berdekatan di Chinta Manis, Karak namun siasatan mendapati bahawa syarikat tersebut tidak menggunakan bahan kimia yang dijumpai di lokasi kejadian.

JAS akan meneruskan operasi bersepadu sehingga pesalah yang bertanggungjawab melakukan perbuatan tersebut dihadapkan ke muka pengadilan.

-----Tamat-----

Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

3 Ogos 2019

Maklumat lanjut, sila hubungi:

Encik Mohd Sani Mat Daud,
Pengarah JAS Negeri Pahang,
Tel: 012-4127272

Atau

Encik Sharudin Rosli
Pegawai Perhubungan Awam
Jabatan Alam Sekitar
Tel: 012-3023864

**GAMBAR SIASATAN ADUAN PELUPUSAN HARAM DI LADANG SAWIT FELCRA,
JALAN KARAK, DAERAH BENTONG, PAHANG**



Sampel dipateri dan dimasukkan dalam plastik untuk dihantar ke JKM
Petaling Jaya



Pegawai penyiasat JAS membuat penandaan pada tong dram



Lokasi kejadian telah dibedung dengan *tape*